




RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS

2026 - 2030

MELAKAR SEMULA PEMBANGUNAN

SOROTAN INISIATIF

Kelestarian Alam



Kelestarian Alam Teras Utama Perancangan Pembangunan Negara

Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) meletakkan agenda kelestarian alam sekitar sebagai teras utama dalam usaha "Melakar Semula Pembangunan" negara. Melangkaui dasar-dasar konvensional, RMK13 mengintegrasikan kelestarian secara menyeluruh ke dalam kerangka ekonomi, sosial, dan tadbir urus, sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI. Tumpuan utama adalah untuk memacu peralihan Malaysia ke arah sebuah negara maju yang berdaya tahan, rendah karbon, dan makmur secara saksama. Terdapat tiga tonggak utama yang membentuk agenda ini:

1. Pemacuan Ekonomi Hijau sebagai Enjin Pertumbuhan Baharu
2. Tindakan Iklim yang Menyeluruh dan Berstruktur
3. Kelestarian dan Pemuliharaan sebagai Asas Kesejahteraan Rakyat

Secara keseluruhannya, RMK13 menandakan satu anjakan strategik di mana kelestarian bukan lagi satu agenda sampingan, tetapi menjadi teras utama dalam perancangan pembangunan negara. Pelaksanaannya akan memacu Malaysia ke arah masa depan yang bukan sahaja maju dari segi ekonomi, tetapi juga adil, saksama, dan lestari untuk generasi kini dan akan datang.

Inisiatif Kelestarian Alam (1/4)

Kategori	Petikan	Matlamat Strategik	Mekanisme Pelaksanaan	Impak	Rujukan
1. Pembiayaan Hijau	"Akses kepada pembiayaan hijau akan dipertingkatkan melalui pengukuhan daya maju projek PKS..."	Memobilisasi modal swasta untuk projek hijau, mengurangkan beban fiskal kerajaan, dan mempercepat peralihan tenaga	Memperkuhkan skim sedia ada (NETF), memperkenalkan program pembiayaan baharu untuk PKS, dan menggunakan model pembiayaan campuran	Peningkatan pelaburan dalam teknologi hijau, penciptaan pekerjaan hijau, dan peningkatan daya saing industri dalam pasaran global	Bab 2 Strategi A2.3 ms. 64
2. Perolehan Hijau	"...inisiatif perolehan dan bandar hijau. ...garis panduan GGP Kerja akan dikuatkuasakan... Kerajaan Negeri dan PBT pula akan digalakkan untuk memperluas pelaksanaan GGP."	Mewujudkan pasaran domestik yang stabil untuk produk dan perkhidmatan hijau, serta memacu inovasi dalam kalangan pembekal dan penyedia perkhidmatan tempatan	Menguatkuasakan pemakaian garis panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) untuk bekalan, perkhidmatan dan kerja; serta menggalakkan kerajaan negeri & PBT untuk menggunakannya	Peningkatan permintaan untuk produk dan perkhidmatan hijau, pembangunan rantai bekalan hijau tempatan, serta pengurangan jejak karbon Kerajaan	Bab 2 Strategi A2.4 ms. 64
3. Rantaian Bekalan Hijau	"Rantaian bekalan produk dan perkhidmatan hijau akan diperkuhkan melalui penambahbaikan pensijilan hijau dan pembangunan kapasiti industri..."	Memastikan Malaysia mempunyai kapasiti industri tempatan untuk menyokong permintaan daripada Perolehan Hijau dan pasaran eksport	Membangunkan kapasiti pembekal, menambah baik sistem pensijilan hijau, dan menyokong PKS dalam rantai bekalan	Peningkatan keupayaan pembekal tempatan, produk hijau berkualiti tinggi, dan peningkatan eksport produk dan perkhidmatan hijau	Bab 2 Strategi A2.4 ms. 65

Inisiatif Kelestarian Alam (2/4)

Kategori	Petikan	Matlamat Strategik	Mekanisme Pelaksanaan	Impak	Rujukan
4. Penggubalan Akta Perubahan Iklim	"Perundangan khusus berkaitan perubahan iklim juga akan dikuatkuasakan bagi mengawal selia pelaksanaan inisiatif tindakan iklim secara menyeluruh."	Menyediakan rangka kerja perundangan yang kukuh untuk semua tindakan iklim, memastikan akauntabiliti dan memacu pelaksanaan merentas semua sektor	Menggubal dan meluluskan Akta Perubahan Iklim yang baharu, yang akan menjadi undang-undang induk untuk tadbir urus iklim	Tadbir urus iklim yang lebih jelas dan berkesan, peningkatan keyakinan pelabur, dan pelaksanaan yang lebih terselaras bagi mencapai sasaran iklim negara	Bab 5 Strategi D6.1 ms. 157
5. Pasaran Karbon	"Dasar pasaran karbon kebangsaan akan dilaksanakan bagi memudah cara perdagangan karbon..."	Mewujudkan mekanisme berasaskan pasaran untuk mengurangkan pelepasan dengan kos yang efektif dan menjana pendapatan daripada aset karbon	Menubuhkan pasaran karbon patuh syariah dan sukarela, serta membangunkan instrumen seperti Forest Carbon Offset	Menjadi hab perdagangan karbon serantau, membiayai projek pemuliharaan, dan mempercepat nyahkarbon industri	Bab 5 Strategi D6.1 ms. 157
6. Adaptasi & Daya Tahan Banjir	"Pembangunan bandar berkonsepkan kalis bencana akan diperluas... garis panduan sponge city... akan dibangunkan."	Mengurangkan impak sosial dan ekonomi akibat banjir yang semakin kerap dan teruk, serta meningkatkan daya tahan komuniti dan infrastruktur	Mengaplikasi penyelesaian berasaskan alam, membina infrastruktur adaptif (rumah terapung), dan menambah baik sistem amaran awal	Pengurangan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa, peningkatan keselamatan awam, dan kelangsungan perniagaan semasa bencana	Bab 2 Strategi A7.2 ms. 78

Inisiatif Kelestarian Alam (3/4)

Kategori		Petikan	Matlamat Strategik	Mekanisme Pelaksanaan	Impak	Rujukan
7.	Pembangunan Bandar Mampan	"Pembangunan bandar pintar akan digalakkan... Kota MADANI di Putrajaya akan dibangunkan sebagai perintis model bandar masa hadapan..."	Mencipta ruang bandar yang lebih selesa didiami, cekap sumber, rendah karbon, dan berdaya tahan terhadap cabaran masa hadapan	Melaksanakan konsep Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD), menggalakkan rekabentuk bangunan hijau, dan meningkatkan ruang hijau awam	Kualiti hidup bandar yang lebih baik, pengurangan kesesakan lalu lintas dan pencemaran, serta penggunaan tenaga yang lebih efisien	Bab 3 Strategi B5.2 ms. 114
8.	Penyahkarbonan Pengangkutan	"Pelan Hala Tuju Penyahkarbonan Sektor Penerbangan Malaysia akan dilaksanakan... termasuk penggunaan bahan api penerbangan mampan (SAF)..."	Mengurangkan jejak karbon sektor pengangkutan yang signifikan selaras dengan matlamat iklim negara dan global	Mempromosikan penggunaan Bahan Api Penerbangan Mampan (SAF), menggalakkan peralihan kepada pengangkutan awam, dan menyokong mobiliti hijau	Sektor pengangkutan yang lebih bersih, pengurangan pencemaran udara, dan sumbangan kepada sasaran GHG negara	Bab 2 Strategi A1.9 ms. 58
9.	Teknologi CCUS	"Pelaksanaan inisiatif CCUS... akan dipergiat bagi menyokong pembangunan ekonomi hijau dan rendah karbon."	Menyahkarbon sektor yang sukar dikurangkan pelepasannya (seperti industri berat) dan menjadikan Malaysia peneraju teknologi CCUS serantau	Mengukuhkan rangka kawal selia, memeterai perjanjian rentas sempadan untuk pengangkutan CO ₂ , dan menjalankan projek rintis	Pengurangan signifikan pelepasan industri, penjaan aliran pendapatan baharu, dan pembangunan kepakaran teknologi tinggi	Bab 2 Strategi A2.2 ms. 64

Inisiatif Kelestarian Alam (4/4)

Kategori		Petikan	Matlamat Strategik	Mekanisme Pelaksanaan	Impak	Rujukan
10.	Ekonomi Kitaran	"Perundangan berkaitan ekonomi kitaran merentas pelbagai sektor akan digubal..."	Mengurangkan penghasilan sisa, memaksimumkan penggunaan sumber, dan mewujudkan model perniagaan baharu berasaskan ekonomi kitaran	Menggubal akta baharu, memperluas tanggungjawab pengeluaran, dan melaksanakan dasar larangan pembukaan tapak pelupusan sisa baharu	Pengurangan sisa ke tapak pelupusan, peningkatan kadar kitar semula, dan pembangunan industri kitar semula yang berdaya saing	Bab 5 Strategi D6.3 ms. 158-159
11.	Pemuliharaan Biodiversiti	"Lebih banyak tapak berkepentingan biodiversiti... seperti taman negara, tapak Ramsar, tapak rizab biosfera... akan diwartakan..."	Melindungi warisan semula jadi negara yang unik, memelihara perkhidmatan ekosistem (sumber air, pendebungaan), dan menyokong ekopelancongan	Mewartakan kawasan perlindungan baharu, memperkasa penguatkuasaan terhadap jenayah hidupan liar, dan mengurus konflik manusia-hidupan liar	Ekosistem yang lebih sihat, perlindungan spesies terancam, dan pengkalan sumber semula jadi untuk generasi akan datang	Bab 5 Strategi D6.2 ms. 158
12.	Kelestarian Sektor Pertanian	"Piawaian tempatan bagi pensijilan kemampanan... akan ditambah baik... Penerapan prinsip... (ESG)... akan diperkukuh."	Meningkatkan daya saing produk agrikomoditi Malaysia di pasaran global yang semakin mementingkan kelestarian	Menambah baik skim pensijilan (seperti MSPO), mempromosikan pertanian pintar, dan menggalakkan penggunaan sisa pertanian	Akses pasaran yang lebih baik, nilai produk yang lebih tinggi, dan amalan pertanian yang lebih mesra alam	Bab 2 Strategi A1.7 ms. 57



Peluang Perniagaan Asas Pembangunan Ekonomi Negara

Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) menyediakan satu peta jalan yang jelas ke arah ekonomi hijau dan mampan. Peralihan ini bukan sahaja satu tanggungjawab, tetapi ia membuka pelbagai peluang perniagaan, pelaburan, dan inovasi yang signifikan untuk sektor swasta.

PMKS pula merupakan tulang belakang ekonomi dan RMK13 membuka pintu untuk mereka menjadi pemain penting dalam rantai nilai hijau, beralih daripada perniagaan konvensional kepada penyedia penyelesaian mampan.

Secara ringkasnya, RMK13 memberi isyarat jelas kepada sektor swasta untuk beralih daripada pemikiran "pematuhan kepada peraturan" kepada "peluang untuk mencipta kelebihan daya saing". Syarikat yang proaktif dalam mengintegrasikan kelestarian ke dalam model perniagaan mereka akan berada pada kedudukan terbaik untuk menerajui pasaran baharu yang sedang dibentuk oleh agenda hijau negara.

Peluang Untuk Sektor Swasta (1/2)

Pembiayaan Hijau & Perkhidmatan Profesional

Kerajaan akan mempergiat akses kepada pembiayaan hijau. Ini mewujudkan pasaran yang besar untuk institusi kewangan dan firma perkhidmatan.

- **Institusi Kewangan**
Menawarkan produk pinjaman hijau, sukuk hijau, dan dana pelaburan berfokuskan ESG
- **Firma Perunding**
Menyediakan perkhidmatan perundingan ESG, pengauditan karbon, dan penasihat untuk membantu syarikat lain mendapatkan pembiayaan hijau

Pembekalan Produk & Perkhidmatan Hijau

Inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) akan menjadikan kerajaan sebagai pembeli terbesar bagi produk dan perkhidmatan mampan.

- **Pembekal**
Membekalkan produk cekap tenaga, bahan binaan lestari, kenderaan elektrik (EV), dan penyelesaian IT hijau kepada agensi kerajaan
- **Penyedia Perkhidmatan**
Menawarkan perkhidmatan pengurusan sisa, pembersihan mesra alam, dan penyelenggaraan bangunan hijau

Pembangunan Bandar Mampan & Infrastruktur Berdaya Tahan

Fokus kepada bandar kalis bencana dan mampan mewujudkan permintaan untuk kepakaran dalam bidang pembinaan, kejuruteraan, dan perancangan bandar.

- **Pembinaan & Kejuruteraan**
Membina infrastruktur adaptif banjir (seperti bangunan bertiang atau terapung) dan melaksanakan reka bentuk '*Sponge City*'
- **Perancangan & Seni Bina**
Menawarkan perkhidmatan reka bentuk bandar rendah karbon dan bangunan diiktiraf hijau (cth: GBI, GreenRE dan MyCREST)

Peluang Untuk Sektor Swasta (2/2)

Ekonomi Kitaran & Pengurusan Sisa

Penggubalan perundangan ekonomi kitaran akan memacu inovasi dalam pengurusan sumber dan sisa.

- **Reka Bentuk Produk**
Mereka bentuk produk yang mudah dikitar semula atau diguna semula untuk memenuhi prinsip tanggungjawab pengeluaran
- **Pertanian**
Mengkomersialkan penggunaan sisa pertanian untuk dijadikan bio-tenaga atau biokomposit

Pemuliharaan Biodiversiti & Eko-pelancongan

Pewartaan lebih banyak kawasan perlindungan membuka pintu kepada model perniagaan yang berasaskan pemuliharaan.


- **Pelancongan**
Membangunkan produk ekopelancongan premium yang bertanggungjawab di sekitar kawasan yang dipulihara
- **Kredit Bio-kepelbagaian**
Terlibat dalam projek pemuliharaan habitat melalui skim kredit bio-kepelbagaian atau kerjasama awam-swasta

Kelestarian dan Kemampanan dalam Semua Sektor

Semua sektor utama perlu bertransformasi, mewujudkan permintaan untuk penyelesaian hijau yang khusus.

- **Pertanian**
Menyediakan teknologi pertanian pintar (*agritech*) dan perkhidmatan pensijilan kemampanan (cth: MSPO)
- **Pengangkutan**
Melabur dalam pengeluaran atau pengedaran Bahan Api Penerbangan Mampan (SAF) dan membangunkan penyelesaian logistik rendah karbon

Peluang Khusus untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)





Pembangunan Rantaian Bekalan Hijau


Rantaian Bekalan Hijau merupakan pemacu baharu yang menyatukan dasar, pasaran dan keupayaan perusahaan untuk mencapai tiga matlamat utama negara:

1. pengurangan jumlah pelepasan gas rumah kaca (GHG)
2. pertumbuhan KDNK
3. penciptaan pekerjaan hijau

Ia menghubungkan peranan kerajaan, korporat, PBT dan PMKS dengan instrumen sokongan seperti insentif, piawaian, pengiktirafan serta platform pasaran. Perolehan hijau kerajaan, tuntutan ESG korporat dan piawaian global menjadikan permintaan hijau bukan lagi pilihan tetapi satu keperluan. Pada masa sama, perdagangan hijau membuka akses pasaran ASEAN dan antarabangsa, sementara PBT mencipta permintaan di peringkat tempatan melalui bandar rendah karbon.

MGTC bertindak sebagai pemangkin ekosistem dengan menyediakan latihan, perundingan, piawaian, insentif kewangan, sistem MRV, pengiktirafan dan akses pasaran supaya PMKS dapat ditransformasi menjadi pembekal hijau yang kompetitif. Dengan pendekatan ini, Malaysia berpotensi muncul sebagai hab serantau rantaian bekalan hijau, serentak memacu pertumbuhan ekonomi dan kelestarian.

Ekosistem Pembangunan Rantai Bekalan Hijau



Program & Perkhidmatan MGTC dalam menyokong Pembangunan Rantaian Bekalan Hijau

Program & Perkhidmatan		Penerangan
1.	Latihan	Pelaksanaan latihan dalam bidang teknologi hijau, perubahan iklim dan kelestarian alam
2.	Perundingan	Khidmat perundingan dalam pembangunan dasar, garis panduan, peraturan, pelan tindakan dan tindakan perubahan iklim
3.	Energy Management Gold Standard (EMGS)	Piawaian peringkat ASEAN bagi pengurusan tenaga yang cekap
4.	Green Investment Tax Allowance (GITA)	Insentif cukai bagi pelaburan dalam aset teknologi hijau yang layak untuk kegunaan sendiri.
5.	Green Technology Financing Scheme (GTFS)	Skim pembiayaan mudah yang menyediakan jaminan kerajaan bagi menyokong syarikat yang melaksanakan projek teknologi hijau.
6.	Low Carbon Operating System (LCOS)	Sistem atas talian bagi mengukur, mengurus dan mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah kaca
7.	MyHIJAU Mark	Pengiktirafan produk dan perkhidmatan hijau bagi menyokong Perolehan Hijau Kerajaan dan Swasta
8.	Low Carbon Cities 2030 Challenge (LCC2030C)	Pengiktirafan pelaksanaan Bandar Rendah Karbon
9.	International Green Technology & Eco Products and Exhibition and Conferences Malaysia (IGEM)	Penganjuran pameran perdagangan antarabangsa bagi sektor teknologi hijau, perubahan iklim dan kelestarian alam
10.	Kuala Lumpur Sustainability Summit (KLSS)	Penganjuran persidangan antarabangsa bagi sektor teknologi hijau, perubahan iklim dan kelestarian alam
11.	Conference of Parties (COP)	Penyelarasan pengisian, program dan pengurusan Malaysia Pavilion @ COP UNFCCC bagi pihak Kementerian

Mulakan Langkah ke Arah Kelestarian Demi Masa Depan Negara

Hubungi kami untuk maklumat lanjut.



**Saiful Adib
bin Abdul Munaff**
Acting Group
Chief Executive Officer
saiful@mgtc.gov.my



**Norhasliza
binti Mohd Mokhtar**
Senior Director
Climate Action
hasliza@mgtc.gov.my



**Sabihah
binti Saleh**
Director
Green Growth
sabah@mgtc.gov.my



**Noor Azmin Azali
bin Ramli**
Senior Director
Legal
azmin@mgtc.gov.my



**Nazmi Syahrin
bin Kasmurin**
Director
Corp. Sustainability
nazmi@mgtc.gov.my

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) adalah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) yang diberi mandat untuk memacu pertumbuhan ekonomi hijau dan mempertingkatkan tindakan perubahan iklim negara.

Mulakan Langkah ke Arah Kelestarian Demi Masa Depan Negara

Barisan pakar MGTC.



Dr. Sazalina Zakaria
Perubahan Iklim
saza@mgtc.gov.my



Freida Razali
Program Korporat
freida@mgtc.gov.my



Dr. Abdul Hakim
Tindakan Mitigasi
hakim@mgtc.gov.my



Muhammad Fendi
Bandar Rendah Karbon
fendi@mgtc.gov.my



Muhd Muhtazam
Kecekapan Tenaga
muhtazam@mgtc.gov.my



Abd Malik Atan
Perolehan Hijau
malik@mgtc.gov.my



Rosmah Mamak Rapi
Insentif Hijau
rosmah@mgtc.gov.my



Nor Aslaili Mahmood
Pengiktirafan Hijau
aslaili@mgtc.gov.my



Roszana Yusoff
Pembangunan Kapasiti
roszana@mgtc.gov.my



Ahmad Azimeer
Platform Pasaran
azimeer@mgtc.gov.my

TERIMA KASIH

MALAYSIAN GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CORPORATION [99801006110 (462237-T)]

No.2, Jalan 9/10, Persiaran Usahawan, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

☎ +603-8921 0800

☎ +6019-308 8175

✉ info@mgtc.gov.my

🌐 www.mgtc.gov.my

